

01 OCT 1998

Komanwel-Jamuan

50,000 DIUNDANG KE JAMUAN PERDANA SABTU INI

Oleh: David Chelliah

KUALA LUMPUR, 1 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menjadi tuan rumah Majlis Jamuan Perdana bagi meraikan 50,000 orang yang terlibat dalam menjayakan Sukan Komanwel ke-16 yang baru berakhir di Stadium Nasional di Bukit Jalil di sini Sabtu ini.

Sebagai penghargaan terhadap jasa baik warga Malaysia itu, Perdana Menteri telah mengarahkan semua yang terlibat dalam penganjuran temasya Sukan itu dijemput menghadiri jamuan perdana itu, kata Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin di sini hari ini.

Di samping sukarelawan, pegawai daripada pelbagai jabatan kerajaan, penaja, atlit, persatuan sukan, polis, angkatan tentera, katanya Dr Mahathir juga mengundang menteri-menteri Kabinet dan isteri masing-masing.

Muhyiddin berkat Perdana Menteri juga akan menyampaikan satu amanat penting dan menyampaikan insentif bernilai hampir RM2.2 juta kepada para atlit Malaysia yang memenangi pingat di temasya Sukan itu yang berakhir pada 21 Sept lepas.

Malaysia merangkul 10 emas, 14 perak dan 12 pingat gangsa.

Muhyiddin berkata jamuan yang diberikan Dr Mahathir dan kementeriannya bertindak sebagai penyelaras itu, menelan belanja kira-kira RM2 juta dan peruntukannya telah diluluskan Kabinet.

"Jamuan itu berharga RM25 setiap kepala. Sepuluh katerer utama dengan 600 pembantu akan menyediakan jamuan bagi para tetamu," katanya.

Muhyiddin berkata semua sukarelawan, berjumlah 16,575, adalah dijemput datang beramai-ramai memandangkan kad jemputan mungkin tidak sampai ke tangan mereka pada waktunya.

Beliau berkata para sukarelawan, yang belum menerima kad jemputan, boleh membawa bersama kad pentauliahian masing-masing.

"Mereka semud diundang. Saya merayu kepada mereka...sila datang ke jamuan itu. Jika anda tidak ada kad jemputan, maka bawalah kad pentauliahian. Jika tidak ada kedua-duanya, datanglah ambil kad jemputan di stadium," katanya.

Muhyiddin berkata pusat penerangan di stadium akan dibuka dari pagi bagi mengeluarkan kad jemputan bagi mereka yang tidak menerimanya atau kehilangan kad pentauliahian.

Jamuan itu akan bermula pukul 7.30 malam dan pintu stadium akan mula dibuka pada pukul 5 petang, katanya.

Muhyiddin berkata sijil khas yang ditandatangani Dr Mahathir akan dihantar kemudian kepada semua yang terlibat mengendalikan Sukan itu.

Selain jamuan, katanya, tayangan video dan konsert artis tempatan akan dipersembahkan pada malam itu. Ia akan berlangsung sehingga tengah malam.

Muhyiddin berkata perkhidmatan LRT ke stesen Bukit Jalil, bersebelahan dengan stadium utama, tidak akan beroperasi pada hari itu dan menasihatkan par tetamu supaya turun di stesen Bandar Tasik Selatan.

Katanyanya mereka akan menyediakan 50 bas bagi mengangkut para tetamu dari stesen LRT Bandar Tasik Selatan ke stadium dengan sedikit bayaran pergi balik RM1.

Muhyiddin berkata stesen LRT Bukit Jalil ditutup kerana ia telah ditempah satu krew perfileman luar negara bagi penggambaran sebuah filem yang dibintangi Sean Connery yang terkenal dengan watak James Bondnya.

Mengenai masalah letak kereta, katanya hanya padang letak kereta C dikhaskan bagi 650 tetamu kenamaan manakala lain-lain tempat letak kereta dibuka kepada orang ramai atas dasar siapa dulu dia dapat.

-- BERNAMA
DC ZAB